

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 23/05/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 35
Tajuk : ANGKASA Galak Penubuhan Koperasi Kariah

Angkasa galak penubuhan koperasi kariah



Abdul Fattah (tiga dari kiri) bersama produk dan barangan yang dijual di Koperasi Kariah Masjid Sultan Mahmud.

SINAR 23/5/2019 MS 35.

KUALA LIPIS - Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) menyeru dan menggalakkan masjid dan surau di seluruh negara supaya mewujudkan koperasi kariah masing-masing.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya sedia membantu kewujudan koperasi itu yang dilihat dapat membantu dalam usaha memantapkan ummah, ekonomi, sosial dan budaya umat Islam.

Menurutnya, setakat ini terdapat 6,336 masjid dan 344 surau di negara ini namun hanya tiga peratus atau

kira-kira 500 buah koperasi kariah masjid ditubuhkan setakat ini melibatkan 26,000 ahli.

"Jika masjid dan surau menubuhkan koperasi sebanyak RM34.4 juta modal asas telah terkumpul sekali gus mampu merangsang ekonomi setempat.

"Koperasi kariah masjid boleh menumpukan kepada aktiviti pengeluaran produk halal untuk keperluan umat Islam sendiri yang sebelum ini dimonopoli tanpa sedar oleh bukan Islam," katanya lagi.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas Majlis Iftar Ramadan Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri (JPAN) Pahang Zon 3 dan Jawatankuasa Kariah Masjid Sultan Mahmud di Kuala Lipis Pahang kelmarin.

Menurutnya, koperasi kariah masjid ini berjaya menjana perolehan lebih RM8 juta setahun dan aset melebihi RM16 juta membuktikan aktiviti koperasi dapat merangsang ekonomi setempat. Malah ia turut menggalakkan pengeluaran pasaran produk tempatan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA